

RAWANG – Satu lagi tempat pembuangan sampah haram baru cuba diwujudkan pihak tidak bertanggungjawab berhampiran Kampung Sungai Bakau, di sini, sehingga menimbulkan masalah kepada penduduk.

Ia membimbangkan mereka apabila tapak baru itu hanya bersebelahan Bandar Country Homes di mana ia boleh mengancam fauna semula jadi dan hidupan air di tasik berdekatan.

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Gunarajah R George berkata, masalah berkenaan dikenal pasti pihaknya susulan aduan penduduk sekitar sejak beberapa bulan lalu berkaitan isu itu.

Menurutnya, sehingga kini pihaknya mengenal pasti terdapat lori keluar masuk di kawasan agak tersorok daripada pandangan ramai itu dan mengangkut buangan ke situ.

“Kita percaya terdapat pihak mendapat bayaran setelah memberi kebenaran membuang sampah di situ yang dikenal pasti kegiatan itu berlanjutan sejak beberapa bulan lalu.

“Saya kesal berikutan pemandangan cantik semula jadi dekat kawasan kolam air tercemar akibat pembuangan sampah, yang sepatutnya ia perlu dibuang mengikut cara betul,” katanya.

Beliau berkata, antara sampah dibuang ke kawasan berkenaan adalah jenis sisa konkrit pembinaan dan juga sampah domestik daripada perumahan.

Gunarajah berkata, untuk itu beliau berharap supaya tindakan sewajarnya dapat diambil pihak MPS bagi mengelakkan masalah itu terus berlanjutan dan berulang semula.

“**Saya difahamkan pihak penguat kuasa telah turun padang untuk melihat masalah ini. Buat masa ini kita telah mengarahkan supaya pihak MPS menyiasat tanah itu milik siapa. Kemungkinan tanah terlibat milik individu. Bagaimanapun, jika benar pun mereka tidak boleh melakukan sesuka hati sehingga tindakan itu boleh mencemarkan alam sebegitu.**

– Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rawang, Gan Pei Nei

Isu di tapak pembuangan berkenaan pernah diketengahkan olehnya, dalam Mesyuarat Penuh MPS.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rawang, Gan Pei Nei turut mengakui terdapat aduan pembuangan sampah secara haram yang tidak sepatutnya berlaku di kawasan berkenaan.

“Saya difahamkan pihak penguat kuasa telah turun padang untuk melihat masalah ini. Buat masa ini kita telah mengarahkan supaya pihak MPS menyiasat tanah itu milik siapa.

“Kemungkinan tanah terlibat milik individu. Bagaimanapun, jika benar pun mereka tidak boleh melakukan sesuka hati sehingga tindakan itu boleh mencemarkan alam sebegitu,” katanya.

Tempat sampah haram baru cemarkan alam

SINAR 15/12/2009 MS13



● Sampah mencemarkan kolam ini yang sering menjadi tarikan pemancing.





● Papan tanda di satu lorong masuk daripada Jalan Rawang-Batu Arang menunjukkan terdapat tempat pembuangan sampah disediakan.



● Laluan sepanjang setengah kilometer bersebelahan tasik berhampiran Kampung Sungai Bakau dipenuhi dengan timbunan sampah.

Bagaimanapun menurutnya, apabila menyedari pihak berkuasa mula memantau aktiviti berkenaan di kawasan itu, pengeloa bertanggungjawab mengambil 'langkah berjaga-jaga'.

Pei Nei berkata, antara tindak-

an pengeloa berkenaan termasuk sudah mengurangkan kemasukan keluar masuk lori dan menanggalkan papan tanda memaklumkan terdapat tempat pembuangan sampah disediakan di situ.

Pegawai Penguatkuasa,

Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan MPS, Ahmad Faisal Badiuzaman ketika ditanya berhubung isu itu memaklumkan pihaknya belum mengeluarkan sebarang kompaun kepada mereka yang bertanggungjawab.